



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 29 APRIL 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	STOK BARANG KEPERLUAN ASAS STABIL, NEWS, SELANGOR KINI -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	SEKURITI MAKANAN: PEJABAT PERTANIAN DISYOR ADAPTASI MODEL PPP, BEBAS NEWS -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	MENGURUS KEBIMBANGAN RAKYAT MENGENAI SEKURITI MAKANAN NEGARA, MALAYSIA KINI -ONLINE	LAIN-LAIN
4.	DEMAND FOR HARUMANIS MANGO DOUBLES, NATION, THE STAR -9	
5.	MINISTER LAUNCHES CONTEST PROMOTING SABAH PRODUCTS, HOME, BORNEO POST (KK) -3	
6.	SOCIAL ACTIVIST RAISES QUESTION OF FOOD SECURITY IN STATE, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -6	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Stok barang keperluan asas stabil		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	29 Apr 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	9	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	79 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 778
Frequency	Weekly	PR Value	RM 2,334



## Stok barang keperluan asas stabil

**SHAH ALAM** – Kerajaan memberi jaminan stok semasa barangan keperluan asas seperti beras lebih daripada mencukupi pada Ramadan.

Menteri Kanan (kluster keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata stok semasa beras mengambil kira pengeluaran tempatan dan import stabil, terkawal dan konsisten bagi menampung keperluan dalam negara secara berterusan.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga memberi jaminan barangan makanan basah seperti sayuran juga lebih daripada mencukupi.

“Oleh itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian kerana ia dijamin mencukupi,” katanya dalam sidang media di Putrajaya pada 20 April lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2020	BEBAS NEWS	ONLINE	

## Sekuriti makanan: Pejabat Pertanian disyor adaptasi model PPP

**BAHAGIAN 3** – Antara cabaran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) sejak wabak Covid-19 mula dikesan di Malaysia awal tahun ini ialah memikirkan semula strategi sekuriti makanan negara untuk 32.7 juta rakyat Malaysia.

Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dalam temu bual dengan The Edge Malaysia pada November 2019 berkata, negara telah lama meminggirkan sektor pertanian.

"Kita belum menghadapi krisis makanan lagi tetapi perlu bertindak cepat bagi mengatasinya," tegas Daim. Beliau turut mengingatkan pandangan petani dan pihak yang terlibat dalam pertanian didengari.

Sekuriti makanan merujuk kepada kewujudan bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehnya. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FOA), sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi.

Kajian menunjukkan kalau tiga hari sahaja negara tidak kecukupan makanan ia akan jadi huru-hara dan kacau bilau. Negara yang tidak dapat memenuhi keperluan makanan populasinya dianggap 'lemah'.

Statistik Jabatan Pertanian 2014 menunjukkan 119,273 hektar tanah yang sesuai untuk pertanian terbiar di seluruh negara.

Malaysia telah memperkenalkan beberapa dasar pertanian sejak 1984 sehingga 2020, namun import makanan negara terus meningkat. Buletin Suku Tahun Bank Negara Malaysia 2019 melaporkan, import makanan Malaysia bertambah daripada RM43 bilion pada 2013 kepada RM54 bilion pada 2018.

Mengapakah negara terus bergantung kepada sumber makanan dari luar walaupun tanaman seperti padi, kelapa, cili, pisang, sayur-sayuran dan daging kerbau serta lembu boleh diusahakan di Malaysia?

Antara usaha untuk mengurangkan import dan menyemarakkan kegiatan pertanian di Malaysia oleh MOA ialah membangunkan secara optimum aset yang ada iaitu 13 jabatan dan agensi di bawahnya.

Contohnya, di setiap daerah MOA mempunyai Pejabat Pertanian, Pejabat Veterinar, Pejabat Perikanan dan Pejabat Peladang Kawasan.

Daerah merupakan medan pengeluaran makanan negara. Di sinilah segala bentuk dasar pertanian yang digubal dengan fikiran mendalam oleh pakar dan pegawai teruji sama ada jaya atau gagal dasar yang diperkenalkan.

Di daerahlah pegawai-pegawai Kementerian Pertanian berhubung dengan semua lapisan masyarakat: petani, penternak, nelayan, agropreneur muda, orang kampung, pengusaha dusun buah-buahan, pengedar hasil, pengeksport, pengimport atau siapa sahaja yang terlibat dalam hal-hal yang berkaitan pertanian.

Di daerah juga pejabat-pejabat MOA mempunyai maklumat jenis-jenis kegiatan pertanian yang boleh dimajukan mengikut kesesuaian tanah, keluasan kawasan dan senarai nama yang terlibat.

Selain itu, di daerah pegawai pertanian boleh memperoleh maklumat dari pejabat tanah kawasan-kawasan terbiar yang boleh ditawarkan kepada rakyat yang berminat untuk menyewa tanah pertanian atau membina kolam-kolam ikan.

Di sini agensi pertanian dapat bekerjasama secara strategik misalnya dengan Pejabat Belia Daerah, penghulu mukim dan ketua kampung bagi memastikan di setiap kawasan usaha dapat digembling menanam apa sahaja yang sesuai walaupun secara kecil-kecilan seperti pisang, nanas, cili, terung, bendi dan lain-lain.

Cadangan-cadangan seperti ini telah biasa diutarakan, tetapi mengapa gagal atau tinggal cadangan? Jawapan mudah ialah semua yang dibincangkan tercatat dalam minit mesyuarat tanpa tindakan oleh pegawai atau petani dengan bersungguh-sungguh.

Oleh itu, MOA disaran mengadaptasi model Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang diguna pakai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memajukan pendidikan negara bertaraf dunia.

Pelan ini lahir antara sebabnya ialah Malaysia dikejutkan dengan pencapaian tidak memberangsangkan dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) pada tahun 2009 yang melibatkan murid berumur 15 tahun terpilih menduduki tempat ke-54 dalam Bacaan, ke-57 dalam Matematik dan ke-52 dalam Sains daripada 74 negara. Shanghai (China), Korea Selatan, Finland, Hong Kong, Singapura dan Jepun berada dalam kedudukan lima teratas.

Selain itu, laporan kajian keperluan oleh Perunding Kestrel Education (UK) dan 21st Century Schools (USA) pada November 2011 mendapati bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia amat rendah. Murid-murid di Malaysia bekerja keras untuk lulus peperiksaan. Sekolah kurang mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran aspek analisis, sintesis dan penilaian iaitu pemikiran aras tinggi. Sekolah lebih menumpukan aspek pemikiran aras rendah: pengetahuan, kefahaman dan aplikasi.

Oleh itu, PPPM diperkenalkan sebagai pelan yang praktikal sebab dihasilkan dengan perancangan strategik langkah demi langkah untuk mencapai hasrat meningkatkan kualiti pendidikan negara. KPM telah memperoleh input daripada pelbagai pakar pendidikan dari UNESCO, Bank Dunia, OECD dan enam Institusi Pengajian Tinggi Awam negara.

Panel Dialog Nasional Pendidikan Malaysia di bawah pimpinan Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin telah menyediakan laporan hasil daripada mesyuarat dewan terbuka (townhall) yang diadakan di 14 negeri.

Di samping itu Panel Bebas Antarabangsa ditubuhkan di bawah pimpinan Profesor Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak. Antara anggota panel ialah Dr Andreas Schleicher (Ketua, Analisis dan indikator, OECD), Dr Byong-Man Ahn (mantan Menteri Pendidikan Korea Selatan), Profesor Michael Fullan (Penasihat Khas kepada Premier dan Menteri Pendidikan Ontario, Kanada), dan Profesor Sing Kong Lee (Pengarah, Institut Pendidikan Kebangsaan, Singapura).

PPPM berhasrat memastikan kualiti guru dan pegawai-pegawainya digerakkan dengan pelbagai cara, kaedah dan strategi.

Mutu pendidikan diberikan perhatian serius kerana melalui pendidikanlah lahir sumber manusia berkualiti yang akan memegang jawatan menteri, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian, pelbagai jawatan seperti hakim, doktor, peguam dan ribuan pekerjaan lain. Dengan kata lain, melalui pendidikan yang berkualiti lahir sumber manusia yang akan menentukan jatuh bangun negara dalam persaingan global.

Melalui sistem pendidikan yang berkualiti jugalah dapat melahirkan petani, penternak dan nelayan yang mempunyai daya fikiran tinggi dalam menyesuaikan diri menanggapi perubahan abad ke-21.

Ketua Pengarah Pelajaran, Dr Habibah Abdul Rahim semasa menjawat jawatan Pengarah Eksekutif Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) memberitahu Astro Awani pada 6 September 2013, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) memainkan peranan penting sebab paling hampir menyokong sekolah.

Pada tiga tahun pertama PPPM (2013-2015) tumpuan lebih banyak kepada guru; latihan-latihan untuk tingkatkan kualiti mereka.

"Guru-guru harus berupaya mengajar dan menghasilkan *outcome* yang diharapkan," ujarnya.

Beliau menjelaskan, jika dahulu PPD tugasnya lebih kepada pentadbiran, kini peranannya lebih menyokong sekolah iaitu pengetua, guru besar, guru, murid dan ibu bapa.

Langkah awal KPM merealisasikan kejayaan PPPM ialah menempatkan guru yang dikenali Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik di PPD. Mereka terdiri daripada guru yang mempamerkan prestasi yang cemerlang serta memiliki kemahiran interpersonal yang baik.

Selain itu, guru-guru yang dipanggil Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartner+) pula berperanan sebagai pembimbing kepada pengetua dan guru besar bagi meningkatkan kompetensi pemimpin sekolah daripada aspek ilmu, persepsi, sikap dan amalan ke arah transformasi pendidikan abad ke-21.

Ringkasnya, pada tiga tahun pertama PPPM memperkukuh fungsi PPD kerana di sinilah permulaan lahirnya murid kreatif dan inovatif bertaraf kelas dunia.

Dengan mengadaptasikan model PPPM (2013-2025), Kementerian Pertanian dijangka berupaya memastikan sektor pertanian berkembang maju menjamin sekuriti makanan negara.

## Mengurus kebimbangan rakyat mengenai sekuriti makanan negara



**ULASAN** | Dalam menangani impak wabak Covid-19, setiap pemimpin negara sedang cuba untuk menyelamatkan rakyat mereka daripada mengalami situasi yang lebih teruk dan Malaysia tidak terkecuali.

Oleh kerana sekatan terhadap pergerakan dan perniagaan, rantaian pengeluaran dan bekalan menjadi terancam sehingga menyebabkan beberapa negara mengekang eksport ke negara-negara pengimport termasuklah bekalan makanan.

Kedadaan seperti ini telah menyebabkan rakyat menjadi risau tentang kecukupan tahap bekalan makanan domestik, terutamanya sepanjang berdepan dengan

wabak Covid-19.

Jadi, rakyat mula panik sehingga menyebabkan mereka mula membeli makanan dalam kuantiti yang banyak di pasar raya walaupun sebelum kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pada 24 Mac lalu, Vietnam telah mengumumkan ia tidak akan menandatangani kontrak eksport beras yang baru buat sementara waktu bagi memastikan bekalan domestik mereka mencukupi. Hal ini telah menimbulkan kebimbangan tentang sekuriti makanan global untuk masa hadapan.

### Makanan ruji rakyat

Ekoran pengumuman tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyatakan bekalan beras domestik boleh bertahan selama dua bulan setengah. Namun, kenyataan itu kemudian dibidas oleh enterinya. Percanggahan dalam kenyataan yang dikeluarkan ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna.

Wajar bagi rakyat untuk berasa bimbang mengenai sekuriti makanan negara memandangkan beras merupakan makanan ruji bagi rakyat Malaysia dan kenyataan dari Vietnam yang tidak berpihak kepada negara. Lantaran itu, arahan dan dasar jelas daripada pihak kerajaan memainkan peranan penting untuk meyakinkan orang ramai.

Mengambil definisi Jawatankuasa Bangsa-Bangsa Bersatu, sekuriti makanan sedunia bermaksud setiap orang mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat mengikut citarasa dan keperluan pada setiap masa.

Cakap mudahnya, isu-isu teras yang biasanya dikaitkan dengan sekuriti makanan adalah ketersediaan, kemampuan untuk membeli, kualiti dan tahap keselamatannya.



Berdasarkan dapatan terkini Unit Risiko majalah Economist (EIU), Malaysia menduduki tempat yang ke-24 daripada 113 buah negara dalam Indeks Sekuriti Makanan Global 2019.

Dalam kalangan negara Asia Pasifik, negara kita berkedudukan baik di tempat yang ke-5 daripada 23 buah negara.

Bercakap tentang ketersediaan makanan, terutamanya beras, penyelidik dari Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) Sarena Che Omar berkata Malaysia menghasilkan 60 hingga 70 peratus untuk penggunaan domestik.

Selain itu, stok beras semasa di pasaran yang dikeluarkan pengeluar tempatan dan negara pengimport dikatakan stabil. Simpanan stok untuk kecemasan juga dihasilkan di beberapa lokasi yang tidak didedahkan oleh pengendalinya, Padiberas Nasional Bhd (Bernas).

Walaupun Vietnam mengumumkan penggantungan sementara bagi eksport beras, Malaysia masih boleh bergantung kepada pengimport lain seperti Thailand, Pakistan, Myanmar dan Kemboja.



Gangguan dalam rantaian bekalan makanan nampaknya masih minimum buat masa ini memandangkan sektor-sektor yang berkaitan telah disenaraikan dalam 'perkhidmatan penting' dan diberikan kebenaran untuk terus beroperasi semasa PKP.

Sebuah pasukan petugas khas juga telah ditubuhkan oleh kerajaan bagi memastikan bekalan makanan dan barang keperluan lain mencukupi semasa tempoh kuarantin.

Oleh itu, secara umumnya ketersediaan makanan tidak menjadi masalah dalam masa terdekat, seperti yang dipersetujui seorang pakar dalam bidang Ekonomi Pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Nasir Shamsudin.

### **Berdikari, kurangkan import**

Bagaimanapun, pendekatan jangka panjang mengenai sekuriti makanan perlu disentuh kerana kebimbangan yang semakin meningkat dalam kalangan pengguna terutamanya selepas wabak Covid-19 mula merebak.

Pertama, kebergantungan Malaysia terhadap import makanan harus dikurangkan untuk negara lebih berdikari pada masa hadapan. Pada 2019, negara kita telah mengimport makanan lebih banyak daripada eksport sehingga mengakibatkan defisit sebanyak RM17.4 bilion.

Selain beras, tahap keberdikarian (*self-sufficiency level, SSL*) untuk produk makanan yang lain kekal rendah – susu segar (61.3 peratus), sayur-sayuran (46.6 peratus), daging lembu (23.9 peratus), daging kambing (11.2 peratus) dan produk tenusu (5 peratus), menurut Profesor Nasir.



Pelbagai dasar telah dilaksanakan beberapa tahun lalu untuk meningkatkan pengeluaran makanan domestik tetapi terganggu oleh beberapa kelemahan seperti iklim yang tidak bersesuaian, kos pengeluaran yang tinggi, persaingan dengan pengimport dan kekurangan tenaga kerja.

Salah satu cara mengatasi masalah ini adalah dengan mendorong penglibatan rakyat dalam pertanian moden terutamanya dari kalangan generasi muda sebagai sebahagian proses inovasi untuk sektor pertanian dan meningkatkan hasil pengeluaran makanan.

Ini dapat dilakukan melalui peningkatan pelaburan dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) tanaman makanan, sama ada sektor awam mahupun sektor swasta. Dasar ini boleh membantu meningkatkan pendapatan para petani, yang kebanyakannya daripada kumpulan isi rumah berpendapatan rendah.

### **Cegah kebuluran masa depan**

Dalam menyokong inovasi dalam sektor pertanian yang memerlukan penggunaan teknologi, pendidikan yang betul adalah amat penting.

Oleh itu, kursus yang berkaitan seperti Teknologi Pertanian atau Pertanian Mapan boleh ditawarkan oleh universiti dalam usaha meningkatkan potensi modal insan untuk sektor tersebut.

Insentif menarik juga boleh menjadi satu alternatif untuk mendorong sektor ini terutamanya dalam masa krisis. Sebagai contoh, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk dana sekuriti makanan semasa PKP.

Kedua, terdapat permintaan untuk kerajaan memberi perhatian kepada kemampuan untuk membeli makanan kerana bekalan makanan yang mencukupi tidak semestinya menjamin kemampuan bagi setiap orang untuk memilikinya, terutama semasa krisis seperti pandemik ini.

Dalam hal ini, kerajaan telah mengambil tindakan yang betul dengan melaksanakan Skim Harga Maksimum untuk barang keperluan harian seperti makanan segar dan makanan kering semasa musim perayaan.

Berikutan PKP, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga dibenarkan untuk melaksanakan mekanisme yang sama untuk barang keperluan yang biasa termasuk produk kesihatan bagi mengawal kenaikan harga yang tidak berpatutan.

Seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), harga makanan dunia telah merosot sebanyak 4.3 peratus pada Mac disebabkan permintaan yang lemah.

Dalam menguruskan kebimbangan rakyat dan persediaan untuk ketidakpastian masa hadapan, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Ronald Kiandee telah mengumumkan jawatankuasa kabinet untuk sekuriti makanan akan ditubuhkan tidak lama lagi bagi merangka Dasar Sekuriti Makanan Negara.

Ini merupakan tindakan yang betul kerana sekuriti makanan sangat penting bagi mencegah kebuluran yang boleh menyebabkan kesan buruk kepada ekonomi pada masa hadapan.

Kesimpulannya, pandemik ini muncul sebagai peringatan kepada kita semua untuk tidak leka dan terdapat keperluan segera untuk pembaharuan dalam sekuriti makanan negara supaya setiap orang lebih bersedia sekiranya peristiwa tidak diduga ini melanda negara kita lagi.

# Demand for Harumanis mango doubles

By IMRAN HILMY  
 imran@thestar.com.my

**KANGAR:** The demand for the famed Harumanis mango has doubled during this movement control order (MCO) period.

Farmer Mohd Nasir Salim, 29, said there were fewer fruits than usual this year despite the ideal hot fruiting weather of about 38°C.

"On the bright side, the demand this year is better than last year. I received orders for the fruits as early as last month, even during the MCO.

"I will send the fruits to my clients by courier service," he said, adding that his customers were from as far as Johor.

Mohd Nasir said he relied mostly on social media to promote his fruits.


"I would post on social media to promote the fruits to potential customers," he said when met at his farm in Sungai Batu Pahat.

He said that on average, he could sell about 20kg of mangoes per day in Perlis alone.

"As for my clients outside of Perlis, I can sell about 150kg every week," he said.

With about 100 Harumanis trees in his 1.2ha orchard, Mohd Nasir has been in this business for five years.

"Last year, we harvested more than two tonnes but this time around we managed about one



**Precious crop:** Mohd Nasir Harumanis mango from a tree in his orchard.

tonne so far," he said. If the crop is good, Mohd Nasir said a farmer with a big plot of land could earn as much as RM100,000 in profit a year.

Harvested only once a year, the sweet and aromatic Harumanis is a special breed of mango which maintains its green-coloured skin even when it's ripe. It is also the most expensive local mango in the country with the

price going as high as RM40 per kg.

The much-sought after Harumanis mangoes are also exported to Singapore, Japan, China and the United States.

Headline	Minister launches contest promoting Sabah products		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	29 Apr 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	153 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 853
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,559



Junz (left) with Atikah during the launch of 'Sokong Produk Sabah, Sabah Best Bah' via Facebook Live.

## Minister launches contest promoting Sabah products

**KOTA KINABALU:** The Ministry of Agriculture and Food Industry on Tuesday launched a contest to fill time during the Movement Controlled Order while promoting Sabah products.

It's minister Datuk Junz Wong said, the "Sokong Produk Sabah, Sabah Best Bah" contest is aimed at unearthing creative talents among Sabahans while promoting Sabah products through social media.

"There is a total incentive of RM400 every week. All the participants have to do is be creative. Record and create a less than two-minute video promoting or cooking any Sabah products, be it vegetables or fruits. End the video with the slogan 'Sokong Produk Sabah, Sabah Best Bah' at the end."

"Four winners from four categories will be chosen and announced at 1 pm every Thursday through Facebook Live. Each will receive RM100 until the MCO is over."

"The categories are the most creative video promoting any Sabah products; The most popular video promoting any Sabah products; The most creative cooking of any Sabah products; and the most popular cooking of any Sabah products."

Junz said his Facebook platform at [facebook.com/JunzWongSabah](https://facebook.com/JunzWongSabah) will be utilised for this contest.

"My Facebook page which is [facebook.com/JunzWongSabah](https://facebook.com/JunzWongSabah) will be utilised to receive and post all entries. Every entry will also be posted for public viewing."



Headline	Social activist raises question of food security in state		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	29 Apr 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	6	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	269 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,834
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,502



## Social activist raises question of food security in state

**KUCHING:** Social activist Boniface Willie Tumeck calls on the Sarawak government to initiate immediate measures to overcome any possibility of food shortage in the state, especially rice, in the months to come.

He cautioned that the Covid-19 pandemic and the movement control order (MCO) has brought into sharp focus the issue of food security everywhere in the world.

The former banker says food security has become a matter of such serious concern that the Sarawak government had announced the formation of a sub-committee on food supply chain management to ensure that the supply of food in Sarawak will not be adversely affected during this Covid-19 outbreak.

He said this was not surprising given that on March 27 it was reported that Vietnam had imposed a ban on the export of rice and on the same day the Ministry of Agriculture and Food Industry said Malaysia had a stockpile to rice that can last two-and-a-half months.

Compounding the situation, on April 2, the New Straits Times reported that Cambodia had halted rice and padi exports.

"The only major rice producing country that did not curb its export is Thailand but prices have increased by around 13.5 per cent according to a report by Food Navigator-Asia.Com," he said.

Boniface, who is the Mas Gading PKR chairman, pointed out that lockdowns worldwide had triggered panic buying of rice even in Australia.

He said Vietnam has since

resumed export of their rice but at a very much reduced level.

Boniface noted that in June 2018, it was reported that rice consumption (and imports through Bernas) in Sarawak was around 16,300 metric tonnes per month, consisting of 10,500 metric tonnes of white rice and 4,500 metric tonnes of fragrant rice and a small quantity of local Sarawak-produced rice (about 134.1 metric tonnes with unreported production by rural farmers, probably 270 metric tonnes in total).

"As is painfully obvious, at 1.65 per cent rice sufficiency, food security in Sarawak is indeed a very serious concern.

"To compound our worries, the Cabotage Policy is still very much in place, making Sarawakians very susceptible to price increases," he said.

Boniface said years back, a report in November 2011 said the monthly import of rice by Sarawak was reported at 70 per cent of the monthly consumption.

He noted that in the same report it was stated that two big padi plantations, in Lingga Banting and Batang Lupar, were approved for implementation under the 10th Malaysia Plan.

The Sarawak government, he said, has always been very stable but its policies do not usually see drastic changes, even with the change of people helming the relevant ministries.

He admitted that the issue of food security had been always seen as an important state agenda since the days when Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu was Minister of Modernisation of

Agriculture.

He said the question that begs answer from the Sarawak government now is what happened to those approved plantations.

"Judging from the amount of rice produced locally, which now seems to stand at only 270 metric tonnes, the projects have either failed totally or have not taken off.

"What is the Sarawak government planning to do to boost padi production among rural farmers so that their output can surpass the needs of their own family and contribute to the food bank of the state?" he asked.

Boniface said that food security as defined by the United Nations Committee on World Food Security means that all people, at all times, have physical, social and economic access to sufficient, safe and nutritious food for an active and healthy life.

He pointed out that a research paper by Khazanah Research Institute in April 2019 reported that rural households, where the majority of the B40 families are, spend more on rice than the M40 and T20; they in fact spend 6.5 per cent of their total expenditure on food while those in the T20 spend 5.2 per cent.

"Rice is also among the most cost-sensitive crop and it has also been the main commodity at the centre of protectionist policy debates between countries.

"The question now, is, do we have enough rice for our people in the months to come? This is the thing the state government must look into right now," he said.